

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**KAWASAN : BATU KAWAN**

**SOALAN NO. 192**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan dengan jelas senarai peruntukan yang diagihkan untuk kerja-kerja menaik taraf jalan persekutuan di Parlimen Batu Kawan dan senaraikan tempoh masa atau timeline peruntukan tersebut akan disalurkan kepada JKR negeri untuk menjalankan kerja-kerja tersebut memandangkan ada projek yang terbengkalai sejak RMK-9 dan apakah status rancangan pembinaan sebuah hospital Kerajaan di DUN Bukit Tambun di bawah Parlimen Batu Kawan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah melaksanakan projek Menaiktaraf Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (Sek.720) Ke Jambatan Di Atas Sungai Junjung, Simpang Ampat (Sek.740), Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang secara berfasa dan fasa yang terlibat di Parlimen Batu Kawan adalah seperti berikut:

1) Fasa 1- Dari Persimpangan Bukit Tambun / IKS Ke Simpang Ampat (CH17,600 – CH18,600). Projek ini telah siap pada April 2013 dengan kos projek sebanyak RM22,186,859.26.

2) Fasa 2 – Projek Menaiktaraf Persimpangan Tol Jawi(J8) Dan Persimpangan Pa'boi (J19). Projek ini telah siap pada November 2014 dengan kos projek sebanyak RM53,819,728.01.

3) Fasa 4 – Menaiktaraf Persimpangan JML Dan Missing Link (Dari Simpang Ampat Ke Jambatan Sungai Junjung). Projek telah siap pada Disember 2017 dengan kos projek sebanyak RM97,437,134.61.

4) Fasa 5 – Menaiktaraf Jalan Dan Persimpangan Kepada Empat Lorong Dua Hala Di CH 17,600.00 - CH 16,600.00 Dan CH15,800.00 - CH14,800.00. Projek ini masih dalam fasa pembinaan dengan kemajuan fizikal semasa adalah 97% berbanding 95.33% jadual. Kos projek adalah RM116,600,000.00 dan dijangka siap pada Februari 2021.

Manakala bagi kerja-kerja penyenggaraan pula, semakan Kementerian ini mendapati ada empat (4) laluan Persekutuan di kawasan Parlimen Batu Kawan iaitu:

a) Laluan FT001, Jalan Butterworth – Ipoh ialah sepanjang 24.00 km;

- b) Laluan FT149, Jalan Bukit Tambun ialah sepanjang 2.70 km;
- c) Laluan FT150, Jalan Pa Thau - Pa Boi ialah sepanjang 2.46 km; dan
- d) Laluan FT3112, Jalan Perindustrian Prai ialah sepanjang 3.30 km.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyenggaraan di Jalan Persekutuan adalah dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan. Skop kerja penyenggaraan yang terlibat adalah seperti penyenggaraan rutin, berkala pavemen, berkala bukan pavemen dan kerja kecemasan.

Kerja penyenggaraan rutin adalah seperti penampalan lubang jalan (pothole), penyenggaraan bahu jalan, memotong rumput, penyenggaraan perabot jalan, mencuci saluran, penyenggaraan pembedung dan jambatan serta rondaan rutin dilaksanakan mengikut pusingan kerja yang telah ditetapkan dalam Kontrak Perjanjian.

Kerja penyenggaraan berkala pavemen dan berkala bukan pavemen pula, ia dilaksanakan tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan senarai keutamaan penyenggaraan berkala yang diterima dari setiap Negeri. Kerja kecemasan kecil akan dilaksanakan oleh syarikat konsesi jika keadaan memerlukan.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk kerja-kerja penyenggaraan jalan di kawasan Parlimen Batu Kawan adalah berjumlah RM10,175,565.54 bagi tahun 2018 sehingga tahun 2020 dan perincian adalah seperti di **Lampiran A**. Perincian Kerja-kerja berkala yang dilaksanakan bagi tahun semasa (2020) adalah seperti di **Lampiran B**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan pihak Kementerian mendapati tiada projek jalan persekutuan yang terbengkalai di Parlimen Batu Kawan sejak RMKe-9.

**NO SOALAN : 192**

Manakala berhubung dengan pembinaan Hospital adalah terletak di bawah Kementerian Kesihatan dan ia adalah di luar bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Sekian, terima kasih.

**PERINCIAN PERUNTUKAN PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN DI KAWASAN PARLIMEN BATU KAWAN, PULAU PINANG**

PENYENGGARAAN	TAHUN			JUMLAH (RM)
	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	
<b>RUTIN</b>	RM 523,050.24	RM 658,640.64	RM 599,874.66	<b>RM 1,781,565.54</b>
<b>BERKALA PAVEMEN</b>	RM -	RM 5,131,000.00	RM 2,200,000.00	<b>RM 7,331,000.00</b>
<b>BERKALA BUKAN PAVEMEN</b>	RM 350,000.00	RM 102,000.00	RM 611,000.00	<b>RM 1,063,000.00</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 873,050.24</b>	<b>RM 5,891,640.64</b>	<b>RM 3,410,874.66</b>	<b>RM 10,175,565.54</b>

**BERKALA PAVMEN FASA 1 ( PARLIMEN BATU KAWAN)  
TAHUN 2020**

BIL	DAERAH	NAMA LALUAN	MAKLUMAT PROJEK / KERJA					PERIHAL KERJA
			NO. LALUAN	SEKSYEN/ KM		PANJANG / BIL	LOKASI KERJA* L / R / L&R /MEDIAN	
				DARI	KE			
<b>NEGERI : PULAU PINANG</b>								
1	Seberang Perai Selatan	Jalan Bukit Tambun	FT149	1.518	1.918	0.400	L&R	Kerja Mill, Regulate & Pave 50mm
2	Seberang Perai Selatan	Jalan Bukit Tambun	FT149	1.918	2.165	0.247	L&R	Kerja Mill, Regulate & Pave 50mm
3	Seberang Perai Tengah	Jalan Perusahaan Spt	FT3112	0.000	1.700	1.700	L&R	Mill & Pave (CRMA)

**BERKALA PAVMEN (PRE) ( PARLIMEN BATU KAWAN)  
TAHUN 2020**

BIL	DAERAH	NAMA LALUAN	MAKLUMAT PROJEK / KERJA					PERIHAL KERJA
			NO. LALUAN	SEKSYEN/ KM		PANJANG / BIL	LOKASI KERJA* L / R / L&R /MEDIAN	
				DARI	KE			
<b>NEGERI : PULAU PINANG</b>								
1	Seberang Perai Selatan	Jalan Bukit Tambun	FT149	1.75	2.14	0.39	L&R	Mill & Pave (CRMA) dan lain-lain kerja berkaitan
2	Seberang Perai Selatan	Jalan Bukit Tambun	FT149	2.14	2.54	0.40	L&R	Mill, Regulate & Pave (CRMA) dan lain-lain kerja berkaitan

**BERKALA BUKAN PAVMEN ( PARLIMEN BATU KAWAN)  
TAHUN 2020**

BIL	DAERAH	NAMA LALUAN	MAKLUMAT PROJEK / KERJA					PERIHAL KERJA
			NO. LALUAN	SEKSYEN/ KM		PANJANG / BIL	LOKASI KERJA* L / R / L&R /MEDIAN	
				DARI	KE			
<b>NEGERI : PULAU PINANG</b>								
1	Seberang Perai Selatan	Jalan Bukit Tambun	FT149	0.18 & 1.20	0.18 & 1.20			Kerja menggantikan railing yang rosak & lain-lain kerja yang berkaitan
2	Seberang Perai Tengah	Jalan Butterworth - Ipoh	FT001	740.500	757.000	16.500	L&R	Mengecat garisan jalan
3	Seberang Perai Tengah	Jalan Butterworth - Ipoh	FT001	755.40	755.40			Menggantikan <i>Expansion Joint</i> baharu & Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan